

Mahathir yakin BN boleh menang di Pengkalan Pasir

JITRA 18 Nov. - Tun Dr. Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) mempunyai peluang baik untuk memenangi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Pasir, Kelantan, 6 Disember ini.

Menurut bekas Perdana Menteri, pengundi di kawasan itu lebih matang dan memahami mengenai sesuatu perkara serta tidak mudah terpengaruh dengan isu yang sering dimainkan Pas.

Pada masa yang sama, katanya, jentera BN juga dilihat bekerja bersungguh-sungguh dan ikhlas mendekati pengundi untuk mendapat sokongan.

"Peluang BN menang adalah baik, tapi kita kena buat kerja bersungguh-sungguh, pujuk pengundi menyokong kita," katanya kepada pem-

berita pada majlis jamuan Aidilfitri anaknya, Datuk Mukhriz Mahathir yang juga Anggota Exco Pergerakan Pemuda UMNO di Taman Tasik Bandar Darul Aman di sini hari ini.

Turut hadir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Pemangku Menteri Besar Kedah, Datuk Mahdzir Khalid.

Mengenai cadangan supaya kerajaan negeri dibubarkan jika Pas tewas pada pilihan raya itu, Dr. Mahathir berkata itu adalah hak kerajaan negeri berkenaan.

"Walaupun digesa supaya bubar tetapi hak mutlak terletak pada tangan Pas," katanya.

Pada majlis tersebut, lebih daripada 10,000 orang hadir. Meski pun hujan lebat, orang ramai tidak berganjak untuk bersalaman dengan Dr. Mahathir dan keluarga.



MUKHRIZ Mahathir menyuap sepotong kek kepada ibunya Siti Hasmah Mohd. Ali sambil diperhatikan oleh Dr. Mahathir Mohamad dan isteri Mukhriz, Norzita Zakaria (kiri) pada majlis rumah terbuka Aidilfitri di Taman Tasik Bandar Darul Aman, Jitra, semalam.